



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN PERTANIAN 2025**

**21 JULAI 2026 | SELASA
DEWAN SERBAGUNA KPKM, PUTRAJAYA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam suasana yang penuh bermakna sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Pertanian Tahun 2025.
2. Majlis pada hari ini bukan sekadar acara tahunan jabatan, tetapi merupakan simbol penghargaan tertinggi Kerajaan kepada warga Jabatan Pertanian yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, dedikasi tinggi serta komitmen luar biasa dalam memajukan sektor agromakanan negara.
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima APC pada hari ini. Kejayaan tuan-tuan dan puan-puan adalah cerminan kepada budaya kerja berprestasi tinggi yang menjadi tunjang kepada kecemerlangan perkhidmatan awam. Sesungguhnya, Jabatan Pertanian memainkan peranan yang amat kritikal sebagai tulang belakang negara dalam memastikan agenda keterjaminan makanan negara terus terpelihara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Kejayaan agenda ini terbukti menerusi rekod prestasi cemerlang yang telah dilakar. Bagi tahun 2025, subsektor tanaman agromakanan telah mencatatkan prestasi yang amat memberangsangkan dengan melepasi sasaran yang ditetapkan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). Subsektor buah-buahan merekodkan pengeluaran sebanyak 2.02 juta tan metrik, iaitu mencapai 100.37% berbanding sasaran DAN 2.0 sebanyak 2.01 juta tan metrik, dengan nilai eksport mencecah RM 3.10 bilion. Sementara itu, subsektor sayur-sayuran mencatatkan pengeluaran sebanyak 1.58 juta tan metrik, bersamaan 100.84% berbanding sasaran sebanyak 1.57 juta tan metrik, dengan nilai eksport berjumlah RM 1.69 bilion.
5. Di samping itu, Jabatan Pertanian turut mencatatkan kemajuan yang positif dalam pelaksanaan projek-projek tanaman strategik KPKM sepanjang tahun 2025. Projek jagung bijian telah menghasilkan 2,708 tan, manakala projek bawang pula berjaya mencatatkan pengeluaran sebanyak 62.9 tan. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pelaksanaan projek strategik dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran

domestik, sekali gus menyokong agenda keterjaminan makanan negara dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

6. Atas kejayaan yang amat membanggakan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas khusus kepada seluruh warga Jabatan Pertanian. Kejayaan melepasi sasaran DAN 2.0 serta peningkatan hasil tanaman strategik ini tidak akan tercapai tanpa kerja keras, bimbingan berterusan di lapangan, serta kesungguhan jentera Jabatan Pertanian dalam memudah cara perkhidmatan teknikal kepada para petani di seluruh negara. Syabas saya ucapkan atas komitmen luar biasa ini!

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kita tidak boleh menafikan bahawa landskap dunia hari ini sedang berdepan dengan ketidaktentuan geopolitik yang semakin kompleks, khususnya melibatkan konflik yang berterusan di Asia Barat. Krisis tenaga global ini telah memberi kesan langsung kepada rantai bekalan dunia, termasuk gangguan ketara pada laluan perdagangan utama di Laut Merah.

8. Dampaknya amat dirasakan melalui lonjakan kos logistik dan kenaikan harga bahan mentah baja utama secara mendadak antara 54 peratus sehingga melebihi 100 peratus bagi input penting seperti urea dan *ammonium chloride*. Situasi ini, ditambah dengan sekatan eksport daripada negara pengeluar utama, telah memberi tekanan yang amat besar kepada kos pengeluaran makanan domestik kita.
9. Namun demikian, saya ingin menegaskan bahawa Malaysia tidak akan sesekali berdiam diri. Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah mengambil langkah proaktif bagi memperkukuh daya tahan sistem agromakanan negara. Kita sedang memberi perhatian serius terhadap penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Baja bagi mengawal selia kualiti, pengedaran dan kestabilan harga demi melindungi petani daripada manipulasi pasaran.
10. Selain itu, Kerajaan komited untuk memastikan rantai pemasaran hasil tempatan kekal kompetitif, meskipun kita terpaksa berdepan dengan cabaran lambakan produk import serta penyusutan permintaan daripada pasaran luar.

Sidang hadirin yang dikasihi,

11. Dalam era yang dipacu oleh kepesatan teknologi ini, sektor pertanian perlu terus bertransformasi. Jabatan Pertanian mesti menerajui usaha pendigitalan, meluaskan penggunaan data analitik dalam perancangan tanaman, serta memperhebat pembangunan varieti yang lebih mampan dan tahan kepada perubahan iklim. Inovasi-inovasi ini amat penting bagi memastikan sektor agromakanan kita kekal berdaya saing, sekali gus mampu menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang ini.
12. Di sebalik segala dasar, strategi dan pelan tindakan, acuan kejayaan sebenar terletak pada bahu insan yang melaksanakannya. Oleh itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Pertanian, daripada peringkat pengurusan hinggalah ke pegawai-pegawai lapangan, yang sentiasa komited memastikan khidmat pengembangan dan regulatori pertanian dilaksanakan dengan profesional demi menghasilkan nilai keterjaminan makanan untuk seluruh rakyat Malaysia.

13. Mengambil semangat kecemerlangan hari ini juga, saya ingin menyentuh mengenai satu agenda besar negara yang menuntut komitmen penuh daripada seluruh warga Jabatan Pertanian, iaitu penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang akan diadakan pada 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang.
14. Sehubungan itu, saya menyeru agar semua pegawai dan seluruh jentera Jabatan Pertanian dapat menggembeleng tenaga, kepakaran dan kreativiti bagi menjayakan MAHA 2026. Jadikan platform ini untuk menonjolkan kebitaraan teknologi pertanian negara, memperkasa jaringan usahawan tani dan mempamerkan impak sebenar agenda keterjaminan makanan kita. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar dengan komitmen luar biasa daripada tuan-tuan dan puan-puan, kita mampu mencapai segala sasaran strategik yang telah ditetapkan pada edisi kali ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Akhir kata, saya berharap agar kecemerlangan yang diraikan hari ini menjadi pemangkin inspirasi kepada seluruh warga Jabatan untuk terus melakar kejayaan yang lebih gemilang. Marilah kita memperkukuh tekad dan merapatkan barisan demi memastikan Malaysia kekal berdaya tahan, mampan dan berdaulat dalam aspek keterjaminan makanan.
16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Pertanian Tahun 2025.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.